

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik  
Mohamad [Pasir Puteh]

**TARIKH** : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

**SOALAN** : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik  
Mohamad [Pasir Puteh] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
Pertanian Bandar adalah satu aspek  
pertanian yang perlu dimajukan.  
Apakah program dalam masa lima  
tahun terakhir yang telah diusahakan  
oleh pihak kementerian. Apakah bentuk  
kemudahan dan bantuan daripada  
pihak kerajaan diberikan untuk program  
ini dan berikan contoh kejayaan  
program ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa peka dan komited untuk membantu rakyat meringankan perbelanjaan dapur harian dengan menggalakkan penyertaan penduduk bandar untuk bertani bagi menampung kenaikan harga bahan makanan. Melalui Program Pertanian Bandar yang diperkenalkan pada tahun 2014, seramai 74,630 orang penduduk bandar dari 3,167 lokasi di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program ini. **Bantuan diberikan kepada peserta dalam bentuk input pertanian, peralatan kecil pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal melalui Jabatan Pertanian.**

Antara contoh kejayaan projek pertanian bandar adalah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Perlis, Kuala Lumpur yang telah memenangi tempat Pertama dalam pertandingan Projek Pertanian Bandar (kategori komuniti) peringkat Lembah Klang sempena MAHA 2016. Dijangka dalam masa lima tahun akan datang, program ini bukan sahaja dapat meringankan perbelanjaan dapur harian peserta, bahkan mampu mewujudkan peluang pendapatan tambahan kepada peserta seperti penjualan hasil pertanian kepada masyarakat setempat. Program ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kawasan hijau di bandar dan memanfaatkan ruang-ruang kosong yang terbiar serta mengurangkan jejak karbon atau "*Carbon Foot Print*" dengan mendekatkan pengguna dan ladang.